

ISNIN 6 MEI 2019

KENYATAAN MEDIA

OLEH YANG BERHORMAT TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS UNTUK
MELANTIK JAWATAN-JAWATAN UTAMA PERKHIDMATAN AWAM,
PARLIMEN MALAYSIA**

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS UNTUK MELANTIK JAWATAN-
JAWATAN UTAMA PERKHIDMATAN AWAM AKAN MENGKAJI
SEMULA PELANTIKAN JAWATAN KETUA HAKIM NEGARA DAN
KETUA POLIS NEGARA**

- 1) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam dijadualkan akan bermesyuarat dengan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman pada hari Selasa, 7 Mei 2019 untuk membincangkan tentang pelantikan Ketua Hakim Negara, YAA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat.
- 2) Jawatankuasa Pilihan Khas ini juga akan bermesyuarat pada tarikh yang akan ditetapkan untuk membincangkan tentang pelantikan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador.
- 3) Jawatankuasa ini akan membincangkan dan mengkaji semula pelantikan Ketua Hakim Negara dan Ketua Polis Negara dari segi kuasa dan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang khusus yang relevan dan terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas ini, dalam menjalankan kuasa Badan Perundangan sebagai tonggak kerajaan yang kedua.
- 4) Perbincangan dan kajian semula pelantikan oleh Jawatankuasa ini adalah berdasarkan aspirasi yang dinyatakan dalam Janji 12 (perenggan akhir) dan Janji 16 dari Manifesto Pakatan Harapan untuk memulihkan maruah Parlimen dan untuk membolehkan Parlimen untuk bertindak sebagai kuasa semak dan imbang kepada kuasa eksekutif.

**YANG BERHORMAT TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS UNTUK MELANTIK
JAWATAN-JAWATAN UTAMA PERKHIDMATAN AWAM
PARLIMEN MALAYSIA**